

2 JAN 1996

PERKHIDMATAN KONTENA TERUS DI ANTARA P. KLANG & PANTAI BARAT AS

PELABUHAN KLANG, 2 Jan (Bernama) -- Para pengeksport dan pengimport Malaysia akan mendapat faedah daripada permulaan perkhidmatan syarikat perkapalan berkontena di antara Pelabuhan Klang dan Pantai Barat AS mulai esok.

Perkhidmatan berkenaan, yang diadakan oleh Orient Overseas Contaniner Line (OOCL), anak syarikat Orient Overseas (International) Ltd, sebuah syarikat senarai awam di Hong Kong. Perkhidmatan Pacific Southwest 1 (PS1) melayari di antara pantai Tenggara Pasifik Amerika Utara, Hong Kong, Singapura, Pelabuhan Klang dan China.

Kapal kontena "OOCL California", kapal kontena terbesar dunia milik OOCL yang boleh membawa 4,960 TEU, memulakan perkhidmatan itu dengan persinggahan setiap hari Isnin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan perkhidmatan itu di sini hari ini.

OOCL berkata di dalam satu kenyataan bahawa perkhidmatan terus antara pantai-pantai Pasifik itu dari Pelabuhan Klang ke Pantai Barat AS akan menyumbang ke arah aspirasi kerajaan Malaysia menjadikan Pelabuhan Klang sebagai sebuah pusat pengangkutan antara benua bagi kargo Malaysia.

Katanya perkhidmatan baru itu direka untuk mengadakan bagi para pelanggan perkhidmatan yang lebih baik dengan menawarkan tempoh transit yang lebih singkat dan keboleh percayaan yang lebih baik.

Untuk menampung keperluan para pelanggan yang kian bertambah, OOCL telah menubuhkan gabungan bernama Global Alliance dengan empat syarikat perkapalan lain -- America President Lines, Mitsui O.S.K, Malaysian International Shipping Corporation Bhd (MISC) dan Nedlloyd Lines.

Katanya gabungan itu akan membolehkan pengguna kelengkapan syarikat-syarikat perkapalan dalam cara keberkesanan kos yang lebih berkesan dengan berkongsi ruang kapal dan terminal dan berunding bersama-sama dengan vendor-vendor dan pembekal-pembekal pihak ketiga.

Global Alliance bersama-sama dengan MISC juga akan mengadakan perkhidmatan baru Eropah Utara dengan menggunakan sejumlah 26 buah kapal kontena melayari tiga laluan di antara pelabuhan-pelabuhan utama di Asia dan Eropah Barat Daya.

OOCL memiliki dan menyewa 31 buah kapal kontena dengan keupayaan 66,000 TEU. -- BERNAMA